

19 JAN 1998

#### CYBERVIEW NAK DAPATKAN DANA RM1.6 BILION BAGI CYBERJAYA

SEPANG, 19 Jan (Bernama) -- Cyberview Sdn Bhd, pemaju bandaraya pintar Cyberjaya, yang merupakan satu komponen Koridor Raya Multimedia, sedang mencari punca kewangan sejumlah RM1.6 bilion untuk membiayai kerja-kerja prasarananya.

"Dalam keadaan sekarang, kami akan cuba mendapatkan bentuk pembiayaan terbaik, sama ada pinjaman atau bon," kata ketua eksekutifnya Datuk Hj Abdul Karim Abu Bakar.

"Kami akan mengkaji untuk memajukan 2,800 hektar daripada 7,000 hektar kawasan Cyberjaya," katanya pada satu persidangan berita selepas mesyuarat Majlis Pelaksanaan MSC yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Cyberview dimiliki oleh sebuah konsortium terdiri daripada 12 syarikat dengan Perbadanan Kemajuan Multimedia (MDC), yang meneraju pembangunan MSC, dan memiliki 10 peratus saham dalam syarikat itu.

Syarikat tersebut telahpun menggunakan RM350 juta daripada modalnya, RM60 juta daripadanya adalah bagi kompleks bangunan Cyberjaya.

Sementara itu, ketua pegawai operasi MDC Dr Arif Nun, yang turut hadir pada persidangan itu, berkata 103 syarikat yang telah diberikan taraf MSC merupakan adunan yang agak baik.

Dari jumlah itu, 35 peratus adalah syarikat tempatan, Eropah 11 peratus, Amerika Syarikat 10 peratus, Jepun 6.0 peratus, Kanada 1.0 peratus, manakala bakinya terdiri daripada syarikat usaha sama asing serta usaha sama antara syarikat-syarikat tempatan.

Dr Arif berkata, daripada 103 syarikat itu, 78 telahpun memulakan operasi, tidak semestinya dalam MSC, tetapi akhirnya nanti mereka perlu berpindah ke MSC apabila koridor itu siap kelak.

Mengenai pelaksanaan aplikasi utama, beliau berkata semuanya berjalan lancar.

Beliau juga berkata sepanjang 700 kilometer kabel gentain optik -- tulang belakang kepada projek MSC yang dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Bhd -- telahpun dipasang beberapa bulan lalu.

Menurut Dr Arif MSC seharusnya dianggap sebagai ibu kepada semua projek produktif di negara ini dan merupakan jentera pertumbuhan bagi masa depan negara ini, dan inilah sebabnya semua pihak harus memainkan peranan masing-masing untuk menjayakannya, terutama memandangkan masalah ekonomi sekarang.

Ditanya sama ada MSC akan menyebabkan pelabur-pelabur meninggalkan pusat teknologi maklumat Singapura, beliau berkata industri teknologi maklumat di seluruh dunia dianggarkan bernilai melebihi AS\$1 trilion dalam 15 tahun akan datang, dan ini bererti bahawa terdapat agihan yang cukup untuk semua.

"Kami telah berunding dengan pihak berkuasa Singapura untuk menyelaraskan amalan perniagaan IT dalam bidang-bidang seperti prasarana dan undang-undang siber agar kita mencapai kedudukan yang menguntungkan kedua-dua belah pihak kelak." -- BERNAMA

MR KY MA